

BAB II : ILMU USULUDDIN

2.1 Pengertian Ilmu Usuluddin

Istilah Usuluddin (أصول الدين) mempunyai dua patah perkataan iaitu *uṣūl* dan *al-dīn*.

2.1.1 Pengertian *Uṣūl*

Perkataan *uṣūl* (أصول) berasal daripada kata dasar *asl*. Menurut Ibn Manzūr, erti perkataan *asl* adalah dasar setiap sesuatu (أسفل كل شيء).¹⁷ Fayruzabadi juga mentakrifkan *asl* sebagai asas atau perkara dasar di dalam setiap perkara.¹⁸ Pendapat yang sama juga dinyatakan oleh Lane, iaitu ia bermaksud asas dan induk di dalam semua keadaan.¹⁹

Di samping itu, Hughes mentakrifkan perkataan *uṣūl* sebagai perkara asasi di dalam agama Nabi Muhammad SAW.²⁰ al-Jurjāni pula membawa pengertian *asl* sebagai apa yang terbina di atasnya oleh yang lain dan ia sendiri tidak memerlukan sandaran kepada yang selain daripadanya.²¹ Oleh yang demikian,

¹⁷ Abi al-Fadl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Makram ibn Manzūr (1968), *Lisān al-‘Arab*, j. 12. – Beirut: Dār Ṣadir, h. 12

¹⁸ Muḥammad bin Ya‘qūb Fayruzabadi (1995), *al-Qāmīs al-Muhiṭ*. Beirut: Dār al-Fikr, h. 864

¹⁹ Edward William Lane (1978), *Arabic-English Lexicon*, j. 1. Lahore: Islamic Book Centre, h. 64

²⁰ Thomas Patrick Hughes (1964), *A Dictionary of Islam*. Lahore: Premier Book House, h. 656

²¹ ‘Ali bin Muḥammad bin ‘Ali al-Jurjāni (1985), *Kitāb al-Ta’rīf*, c. 1. Beirut: Dār al-Kitab al-‘Arabi, h. 45

pengertian kalimah *as'l* boleh disimpulkan sebagai asas, dasar, dan induk kepada semua perkara.

Dari segi istilah pula, ia dirujuk kepada pengertian yang diberikan di dalam al-Qur'an. Pengertian *as'l* boleh dirujuk kepada firman Allah SWT ;

إِنَّهَا شَجَرَةٌ تَخْرُجُ فِي أَصْلِ الْحَجَّاجِ
Surah al-Şāfāt (37) : 64

“Sebenarnya ia sebatang pohon yang tumbuh pada dasar neraka yang menjulang”

Terjemahan Surah al-Şāfāt (37) : 64

Bagi mentafsirkan ayat di atas, al-Rāzi berpendapat penggunaan kalimah *as'l* di dalam ayat di atas menyamai maksud *al-qa'r* (dasar) yang menerangkan tentang tempat tumbuhnya sejenis pohon di dalam neraka.²² al-Tūsi pula berpandangan bahawa kalimah *al-as'l* menyamai maksud *al-qa'r* (الأسْر), iaitu dasar sekali gus menerangkan bahawa pokok tersebut adalah tumbuh di dasar neraka.²³ Dengan itu, dapat disimpulkan di sini bahawa maksud perkataan *al-as'l* ialah dasar atau asas kepada sesuatu perkara. Justeru, jika perkataan ini disandarkan kepada kalimah *al-dīm*, ia bermaksud dasar atau asas kepada agama.

²² al-Fakhr al-Rāzi (t.t.), *al-Tafsīr al-Kabīr*, j. 26, c.2. Tehran: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 142

²³ Abi Ja'far Muhammad bin al-Hasan al-Tūsi (t.t.), *al-Tibyān fi Tafsīr al-Qur'ān*, j. 9. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, h. 502

2.1.2 Pengertian *al-Din*

Perkataan *al-dīn* berasal daripada perkataan ‘دَنْ’ dan iaanya boleh dikategorikan kepada tiga keadaan. Pertama, apabila kata kerjanya dalam bentuk دَنْ, ia bermakna seseorang yang memiliki kekuasaan dan mentadbirnya. Ini bermakna, penggunaan dalam sudut ini melambangkan penguasaan dan pentadbiran. Justeru, pada kebiasaanya ia akan dirujuk kepada sebuah kerajaan.²⁴ Ini bertepatan dengan firman Allah SWT ;

مَالِكُ يَوْمِ الدِّينِ
Surah al-Fātihah (1) : 3

“Yang Menguasai pemerintahan hari pembalasan
(hari akhirat)”
Terjemahan Surah al-Fātihah (1) : 3

Kedua, apabila kata kerjanya dalam bentuk دَنْ لَهُ, ini bermaksud seseorang mentaati orang lain atau patuh kepadanya. Oleh yang demikian, apa yang dimaksudkan di sini ialah patuh dan taat. Apabila dikatakan ‘الدِّينُ شَهِيدٌ’²⁵, ia bererti ‘الحضور شَهِيدٌ’ iaitu kepatuhan hanya bagi Allah SWT.²⁵ Ketiga, apabila kata kerjanya dalam bentuk دَنْ بِهِ, ia bermaksud berpegang kepada satu agama atau aliran dan tertanam dengan kemas di dalam dirinya. Justeru, perkataan *al-dīn* menurut situasi

²⁴ Muhammad 'Abdullah Darāz (1982), *al-Dīn*. Kuwait: Dār al-Qalam, h. 30

²⁵ *Ibid.*

ini bermaksud mazhab atau kumpulan yang menjadi ikutan sama ada dalam bentuk pandangan atau amalan yang dilakukan.²⁶

Perkataan *al-dīn* mempunyai perbezaan dengan kalimah *al-millah* dan *al-madhhab*. *al-Dīn* membawa maksud segala syariat Allah SWT yang mesti dipatuhi dan ditaati. Manakala *al-millah* pula bererti segala ajaran yang disandarkan kepada para nabi. Kedua-dua perkataan ini banyak perbezaannya dengan perkataan *al-madhhab* yang bermaksud tempat rujukan dan ikutan orang ramai dan pengasasnya dinamakan sebagai *al-mujtahid*.²⁷

Walau bagaimanapun, di kalangan kebanyakan ulama Islam menyatakan kalimah *al-dīn* ialah satu ketetapan Ilahi yang menyuluh kepada kebenaran di dalam pegangan sekali gus membawa kebaikan di dalam segala amalan dan perhubungan.²⁸ Dalam pada itu, *al-dīn* juga merupakan suatu ciptaan Ilahi yang lengkap dan diberikan kepada manusia tanpa mengalami perubahan. Dalam masa yang sama juga manusia tidak mampu untuk mencapainya atau mengetahuinya melainkan setelah ia disampaikan oleh Rasulullah SAW.²⁹ Ini kerana, segala apa yang dibawa oleh Rasulullah SAW adalah wahyu daripada Allah SWT. Sebagaimana firman-Nya ;

وَمَا يَنْطَلِقُ عَنِ الْهَوَىٰ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ
Surah al-Najm (53) : 3-4

²⁶ *Ibid*, h. 31

²⁷ Ali bin Muhammad bin ‘Ali al-Jurjāni (1985), *op. cit.*, h. 141

²⁸ Maḥmud bin al-Syarīf (1980), *al-Adyān Fī’l-Qur’ān*, c. 4. Mesir: Dār al-Ma’ārif, h. 24

²⁹ Muḥammad Rasyid Ridā (t.t.), *Tafsīr al-Manṣūr*, j. 2, c. 2. T.T.P.: Dār-Ma’ārif, h. 69

“Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Qur'an atau hadith) tidak lain melainkan wahyu yang diwahyukan kepadanya”

Terjemahan Surah al-Najm (53) : 3-4

Daripada apa yang diperkatakan sebelum ini, dapat dibuat satu kesimpulan bahawa perkataan Usuluddin bermaksud segala perkara yang bersifat asasi di dalam sesuatu agama. Di dalam konteks agama Islam itu sendiri, ianya berkait rapat dengan persoalan keimanan dan kepercayaan yang merupakan inti pati utama bagi menentukan seseorang itu sebagai muslim atau sebaliknya. Misalnya, kepercayaan dan keyakinan kepada Allah SWT, para malaikat, rasul, perkara-perkara ghaib seperti syurga, pembalasan neraka dan sebagainya.

Ilmu Usuluddin disebut juga sebagai Ilmu Akidah,³⁰ Tauhid, dan sebagainya. Ia dinamakan sebagai Usuluddin kerana segala perkara di dalam agama Islam adalah adalah bertapak di atas dasar-dasar (*uṣūl*) akidah itu sendiri.³¹ Ilmu Usuluddin mempunyai dua matlamat pokok utama, iaitu bagi memperkuat asas, dasar dan perkara asasi dalam keagamaan yang menyentuh soal ketuhanan dan kerasulan serta kepercayaan kepada perkara-perkara ghaib.³²

³⁰ Kepercayaan dan keyakinan tentang wujudnya Allah Yang Maha Esa dan suci daripada sifat-sifat kemakhlukan. Lihat ; *Istilah Usuluddin dan Falsafah Islam* (1991). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 178

³¹ Hasan Ayyūb (1994), *Tabsīt al-'Aqā'id al-Islāmiyyah*, c. 6. T.T.P.: T.P., h. 9

³² Mohamad Kamil Ab. Majid (2000), “Pengajian Usuluddin Dalam Menyahut Cabaran Abad ke-21M”, dalam *Tajdid : Perspektif Sejarah dan Masa Kini*. Kuala Lumpur, Universiti Malaya, h. 146

Justeru, Ilmu Usuluddin yang dimaksudkan di sini ialah suatu ilmu yang menyentuh tentang persoalan ketuhanan, kenabian, janji-janji Allah SWT yang berbentuk azab dan nikmat serta keyakinan kepada perkara-perkara ghaib yang telah dibawa oleh al-Qur'an. Dengan mempercayai dan yakin kepada perkara-perkara tersebut, akan menjadikan seseorang individu muslim ampuh dari sudut spiritual dan fizikal.

2.2 Kedudukan Akidah Pada Zaman Rasulullah SAW

Apabila Rasulullah SAW diutuskan oleh Allah SWT bagi menyampaikan ajaran Islam kepada penduduk Mekah, tiga perkara asas menjadi agenda utama baginda, iaitu :

- i. Menyampaikan berita kepada mereka bahawa baginda adalah utusan Allah SWT kepada mereka dan juga sebagai pembawa khabar gembira (*al-basyir*) kepada yang taat dan menyampaikan berita ancaman (*al-nadhir*) kepada yang melakukan penderhakaan kepada Allah SWT.
- ii. Mengajak mereka agar meninggalkan segala amalan penyembahan berhala sekali gus menanamkan di dalam mereka bahawa Allah SWT sahaja yang layak disembah. Sebagaimana firman Allah SWT ;

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْكُمْ يُوْحَنِي إِلَيْهِ أَنَّمَا إِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ
فَاسْتَقِمُوا إِلَيْهِ وَاسْتَغْفِرُوهُ، وَوَتَّلُ لِلْمُشْرِكِينَ
Surah Fuṣṣilat (41) : 6

“Katakanlah (wahai Muhammad) :
“Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia

seperti kamu; diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang satu; Maka hendaklah kamu tetap teguh di atas jalan yang betul lurus (yang membawa kepada mencapai keredaan-Nya), serta mohonlah kepada-Nya mengampuni (dosa-dosa yang telah lalu). Dan (ingatlah !) kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang memperseketukan-Nya (dengan sesuatu yang lain”

Terjemahan Surah Fuṣṣilat (41) : 6

iii. Menerangkan bahawa akan wujud kehidupan yang lain selepas hidup di dunia ini (*al-ba'th*). Mereka yang taat akan mendapat ganjaran yang baik dan yang menderhaka akan memperolehi balasan yang buruk.³³

Ringkasnya, semasa zaman Mekah Rasulullah SAW menjalankan amanah yang telah diberikan iaitu menyeru penduduk Mekah supaya beriman kepada Allah SAW berdasarkan kepada tiga perkara yang telah disebutkan. Baginda mengajak saudara-mara yang terdekat kemudian diikuti dengan menyeru penduduk Mekah pada masa itu secara terbuka.³⁴ Ia telah mengambil masa selama kira-kira tiga belas tahun. Begitu juga, apabila Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah, agenda yang dibawa masih menyerupai peringkat Mekah melainkan terdapat beberapa perkara baru yang berbentuk hukum-hakam dan sebagainya. Secara keseluruhannya, sepanjang perutusan baginda sebagai Rasulullah SAW, masyarakat Islam akan merujuk kepada baginda jika terdapat masalah-masalah yang berkaitan dengan agama. Malah, pada masa ini juga tiada cabaran daripada luar dalam bentuk pemikiran yang bersifat falsafah yang boleh menimbulkan

³³ Ali Muṣṭafa al-Ghurābi (1985), *Tārīkh al-Firaq al-Islāmiyyah*, c. 3. T.T.P.: Maktabah al-Anjalu al-Miṣriyyah, h. 8

³⁴ Abu Khalīl Syawqi (1991), *Fi al-Tārīkh al-Islāmi*, c. 1. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir, h. 36

keraguan di dalam kepercayaan dan tidak terdapat umat Islam yang mentakwilkan ayat-ayat *mutasyābihāt*. Walau bagaimanapun, pada masa ini umat Islam berhadapan dengan ancaman fizikal daripada golongan musyrikin daripada Mekah yang merasa terancam dengan dakwah yang disampaikan oleh Rasulullah SAW. Ini kerana, dakwah yang tersebar akan menyebabkan aktiviti penyembahan berhala akan berkurangan dan menjelaskan kedudukan pembesar-pembesar musyrikin Quraisy.³⁵ Tegasnya, pada era Rasulullah SAW sebagai pemimpin dan utusan Allah SWT, masyarakat Islam beriman sebagaimana yang dibawa oleh al-Qur'an dan yang disampaikan oleh Rasulullah SAW. Keadaan ini berterusan sehingga zaman al-Khulafa' al-Rasyidin sehingga timbul beberapa faktor yang menyebabkan lahirnya Ilmu Kalam atau dinamakan juga sebagai Ilmu Usuluddin.

2.3 Faktor-Faktor Kelahiran Ilmu Usuluddin

2.3.1 Faktor-Faktor Dalaman

2.3.1(a) Al-Qur'an al-Karim

Al-Qur'an merupakan sumber rujukan utama di dalam ajaran Islam. Segala ilmu sama ada yang berkaitan dengan alam metafizikal, akhlak, undang-undang dan sebagainya terdapat di dalam al-Qur'an. Selain daripada itu, ia juga banyak menceritakan tentang keesaan Allah SWT atau dinamakan sebagai al-Tauhid. Sebagai contoh, firman Allah SWT ;

³⁵ Hasan Ibrāhīm Hasan (1979), *Tārīkh al-Islām*, c. 9. Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah, h. 81-82

فَاطِرُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، جَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا وَمِنَ الْأَنْعَامِ أَزْوَاجًا، يَذْرُوكُمْ فِيهِ، لَيْسَ كَمَظِيلِهِ شَيْئاً، وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ
Surah al-Syūra (42) : 11

“Dialah yang menciptakan langit dan bumi; Ia menjadikan bagi kamu pasangan-pasangan dari jenis kamu sendiri, dan (menjadikan) dari jenis binatang-binatang ternak pasangan-pasangan (bagi binatang-binatang itu); dengan jalan yang demikian dikembangkannya (zuriat keturunan) kamu semua. Tiada sesuatu pun yang sebanding dengan-Nya (dengan zat-Nya, sifat-Nya, dan pentadbiran-Nya); dan Dialah Yang Amat Mendengar, lagi Amat Melihat”

Terjemahan Surah al-Syūra (42) : 11

Di samping itu, al-Qur'an meminta manusia agar mencari ilmu pengetahuan. Dengan ilmu tersebut, manusia akan mencapai kepada *ma'rifattullah* (mengenali Allah). Bahkan, ayat pertama yang diturunkan kepada Rasulullah SAW menyentuh tentang persoalan ilmu. Firman Allah SWT ;

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ، خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ، أَقْرَأْ وَرَبِّكَ الْأَكْرَمَ، الَّذِي عَلِمَ بِالْقَلْمَ، عَلِمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ
Surah al-'Alaq (96) : 1-5

“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu Yang Menciptakan (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia dari sebuah darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu yang Amat Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya”

Terjemahan Surah al-'Alaq (96) : 1-5

Justeru, tugas manusia ialah untuk mencari ilmu dan berfikir untuk sampai ke peringkat mengenal Allah SWT. Ini kerana, kewujudan Allah SWT adalah suatu yang pasti dan al-Qur'an seringkali membawa ayat-ayat yang menceritakan tentang kewujudan-Nya. Di antara metodologi yang dipaparkan oleh al-Qur'an ialah dengan merenung dan memikirkan tentang kejadian alam sekali gus mengambil pengajaran daripadanya. Untuk sampai kepada *ma'rifatullah* ialah dengan merenung dan menghayati segala kejadian-Nya yang dapat dilihat dan dirasa oleh pancaindera.³⁶

Dalam hal ini, Allah SWT memerintahkan kepada manusia agar menggunakan perumpamaan dan penelitian untuk mengenali-Nya. Firman Allah SWT :

هُوَ الَّذِي أَخْرَجَ النَّاسَ كُفَّارًا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ مِنْ دِيَارِهِمْ لِأَوَّلِ الْحَشْرِ، مَا ظَنَّهُمْ أَنْ يَخْرُجُوا، وَظَنُّوا أَنَّهُمْ مَا نَعْتَهُمْ حُصُونَهُمْ مِنَ اللَّهِ فَأَتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ حِيتَّٰ لَمْ يَحْسِبُوهُ، وَقَدَّفَ فِي قُلُوبِهِمُ الرُّغْبَةَ، يُخْرِجُونَ بِيَوْمِهِمْ بِأَيْدِيهِمْ وَأَيْدِي الْمُؤْمِنِينَ فَاعْتَرُرُوا يَا أُولَئِي الْأَيْمَانِ
Surah al-Hasyr (59) : 2

"Dialah yang telah mengeluarkan orang-orang kafir di antara golongan ahli kitab dari kampung halaman mereka pada julung kali mereka berhimpun hendak memerangi Rasulullah. Kamu (wahai umat Islam) tidak menyangka bahawa mereka akan keluar (disebabkan bilangannya yang ramai serta pertahanannya yang kuat), dan mereka pula menyangka bahawa benteng-benteng mereka akan dapat menahan serta memberi perlindungan kepada mereka dari

³⁶ Ali 'Abd al-Fattah al-Maghribi (1986), *al-Firaq al-Kalāmiyyah al-Islāmiyyah*, c. 1. T.T.P.: Maktabah Wahbah, h. 50

(azab) Allah! Maka Allah menimpakan (azab-Nya) kepada mereka dari arah yang tidak terlintas dalam fikiran mereka, serta dilemparkannya perasaan cemas takut ke dalam hati mereka, (lalu) mereka membinasakan rumah-rumah mereka dengan orang-orang yang beriman (yang mengepung mereka berbuat demikian dari luar). Maka insaallah dan ambillah pelajaran (dari peristiwa itu) wahai orang-orang yang berakal fikiran serta celik mata hatinya”

Terjemahan Surah al-Hasyr (59) : 2

Dengan itu, manusia akan memperoleh ketenangan hasil daripada renungan dan penghayatan terhadap kebesaran Allah SWT. Sebaliknya, orang yang tidak mengambil pengajaran daripada kejadian alam dan jahil untuk mengenali Allah SWT akan mendapat kemurkaan daripada-Nya. Bahkan, al-Qur'an sendiri mencela mereka yang tidak mahu berfikir.³⁷

al-Bāqilānī berpendapat bahawa perkara utama yang diwajibkan oleh Allah SWT ke atas sekalian hamba-Nya ialah mengkaji tentang ayat-ayat-Nya, mengambil iktibar terhadap segala perkara yang telah berlaku menurut takdir-Nya serta menyaksikan tentang ketuhanan-Nya. Ini kerana Allah SWT tidak dikenali secara spontan dan tidak dapat dirasai oleh pancaindera. Namun, manusia mampu mengetahui dan mengenali Allah SWT melalui petunjuk dan fenomena alam yang berlaku sebagai bukti atau dalil tentang kewujudan dan kekuasaan-Nya.³⁸

³⁷ Ahmad Mahmūd Ṣubḥī (1969), *Fī 'Ilm al-Kalām*. T.T.P.: Dār al-Kutub al-Jāmi'iyyah, h. 8

³⁸ Abi Bakar bin al-Ṭayyib al-Bāqilānī (1963), *al-Insāf Fī Mā Yajib I'tiqāduh Wa Lā Yajūz al-Jahl Bih*, c. 2. T.T.P.: Muassasah al-Hanāñiji, h. 22

2.3.1(b) Faktor Politik

Faktor politik memainkan peranan yang penting dalam melahirkan ilmu kalam atau ilmu Usuluddin. Setiap kumpulan daripada orang-orang Islam ingin memenangkan pendapat masing-masing bagi menguatkan lagi pengaruh kumpulan mereka. Oleh itu, mereka berhujah dengan apa cara sekalipun termasuklah menggunakan kaedah falsafah bagi tujuan tersebut. Ini berlaku selepas kewafatan Rasulullah SAW sehingga menyebabkan mereka berselisih pendapat dalam banyak perkara sehingga ada di kalangan mereka yang menuduh sesat di antara satu sama lain. Punca utama yang menyebabkan umat Islam berselisih pendapat adalah bermula daripada persoalan pemilihan imam atau pemimpin.³⁹ Selepas kewafatan Rasulullah SAW, terdapat tiga pendapat mengenai persoalan siapa yang layak untuk dilantik sebagai khalifah. Golongan-golongan tersebut termasuklah ;

- i. Golongan Ansar yang berpendapat mereka lebih layak untuk dilantik sebagai pengganti Rasulullah SAW sebagai imam kerana mereka banyak menolong Rasulullah SAW ketika berhijrah ke Madinah. Ini dibuktikan apabila Rasulullah SAW wafat, mereka berkumpul di Saqifah Bani Sa‘adah untuk melantik Sa‘ad bin ‘Ubaidah sebagai khalifah.⁴⁰

³⁹ Abi al-Hasan ‘Ali bin Ismā‘il al-Asy‘ari (1969), *Maqālāt al-Islāmiyyīn Wa Ihktilāf al-Muṣallīn*, j. 1, c. 2. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Miṣriyyah, hlm.39

⁴⁰ Ibn al-Athir (1995), *al-Kāmil Fī’l-Tarīkh*, j. 3, c. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 189

- ii. Golongan Muhajirin yang berpendirian mereka lebih berhak memandangkan mereka adalah yang terawal memeluk Islam dan kebanyakannya mereka berketurunan Quraisy.
- iii. Golongan Bani Hasyim yang mengatakan mereka lebih berkelayakan kerana mereka paling hampir kepada Rasulullah SAW.⁴¹

Selain daripada itu, berlaku juga beberapa perkara yang membawa kepada perselisihan pendapat mengenai kewafatan Rasulullah SAW iaitu ;

- i. Terdapat di kalangan umat Islam yang mengatakan Rasulullah SAW tidak wafat, tetapi baginda telah diangkat oleh Allah SWT ke langit sebagaimana yang berlaku kepada Nabi Isa a.s. Apabila berlakunya demikian, Abu Bakar⁴² tampil lalu membacakan ayat al-Qur'an ;

إِنَّكَ مَيْتٌ وَإِنَّهُمْ مَيْتُونَ
Surah al-Zumar (39) : 30

“Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan mati, dan sesungguhnya mereka juga akan mati”

Terjemahan Surah al-Zumar (39) : 30

- ii. Percanggahan pendapat tentang tempat yang sepatutnya Rasulullah SAW dimakamkan. Penduduk Mekah mengatakan jenazah baginda mesti dimakamkan di sana kerana Mekah adalah tempat asal baginda SAW.

⁴¹ Yahya Huwaydi (1972), *Dirāsah Fī 'Ilm al-Kalām Wa al-Falsafah al-Islāmiyyah*, Kaherah: Dār al-Nahdah al-'Arabiyyah, h. 84

⁴² Ibn Kathīr (1988), *al-Bidāyah Wa al-Nihāyah*, j. 5, c. 5. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 196

Sebaliknya, penduduk Madinah meminta baginda dimakamkan di Madinah. Ini kerana Madinah adalah tempat baginda berhijrah.⁴³

Apabila berlakunya demikian, Abu Bakar sekali lagi menyeru umat Islam yang ada pada masa tersebut agar bersatu dan jangan berpecah-belah. Di samping itu, beliau memberi pilihan kepada umat Islam untuk melantik salah seorang daripada dua calon pilihan beliau, iaitu Abu ‘Ubaidah bin al-Jarrah atau ‘Umar al-Khattab. Melihat keadaan ini, Saidina ‘Umar menyatakan bahawa Abu Bakar adalah calon yang paling layak untuk dilantik sebagai khalifah. Ini kerana, beliau adalah seorang sahabat Rasulullah SAW yang paling banyak berkorban untuk Islam.⁴⁴ Justeru, Abu Bakar r.a. telah dilantik sebagai khalifah menggantikan Rasulullah SAW diikuti Saidina Umar, Uthman dan Ali. Apabila tiba zaman pemerintahan Saidina Uthman, beliau telah dibunuh kerana kebencian yang lahir daripada penduduk Madinah dan juga umat Islam pada zaman tersebut. Ini disebabkan polisi-polisi yang diamalkan beliau melambangkan pilih kasih kepada kaum kerabat dan sebagainya. Akibat pembunuhan tersebut, timbul persoalan tentang dosa besar. Adakah mereka yang melakukan pembunuhan sesama Islam termasuk ke dalam orang yang kafir atau sebaliknya. Golongan al-Khawarij mengatakan mereka adalah kafir dan kekal di dalam neraka. Manakala golongan al-Murji’ah mengatakan mereka adalah mukmin berasaskan amalan bukan sebahagian

⁴³ ‘Abd al-Qāhir bin Tāhir bin Muḥammad al-Baghdādī (t.t.), *al-Farq Bayn al-Firaq*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 12

⁴⁴ Ibn Qutaybah (t.t.), *al-Imāmah Wa al-Siyāsah*, j. 1. Beirut: Dār al-Ma’rifah, h. 16

daripada iman. Oleh itu, persoalan ini telah membawa kepada perdebatan di kalangan umat Islam sehingga lahirnya Ilmu Kalam atau Usuluddin.⁴⁵

2.3.2 Faktor-Faktor Luaran

Apabila negara-negara Islam mula berkembang, maka ramai orang-orang Yahudi, Masehi dan Nasrani yang memeluk agama Islam. Maka gejala ini menimbulkan tanda tanya di kalangan mereka yang masih cetek keimanan mereka terhadap keesaan Allah. Sebagai contoh, mereka masih meragui tentang agama lama mereka dan mula bertanya tentang *tasybih*. Misalnya, mereka meragui tentang ayat-ayat al-Qur'an yang menceritakan seolah-olah Allah SWT menyamai makhluk dari sudut zat-Nya dan perbuatan-Nya. Di antaranya seperti Allah SWT datang, Allah SWT turun ke Tur Sina, menulis Taurat dengan tangan-Nya dan menjadikan Adam dalam bentuk rupa-Nya dan lain-lain.⁴⁶ Selain daripada itu, golongan Masehi pula mengajukan beberapa persoalan yang boleh meragukan dalam kepercayaan terhadap keesaan Allah SWT. Misalnya mereka bertanya bagaimana Nabi Isa a.s. turun dan bercantum dengan ibunya (Maryam).⁴⁷

Persoalan-persoalan sebegini telah membuatkan ulama-ulama Islam menjawab dengan menggunakan kaedah akal supaya dapat diterima oleh golongan ini. Justeru, mereka menjawab dan mengemukakan dalil-dalil akliah yang diperolehi daripada disiplin ilmu falsafah.

⁴⁵ Hasan Mahmud al-Syafi'i (1991), *al-Madkhal li Dirasah 'Ilm al-Kalām*, c. 2. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 61

⁴⁶ Ahmad Mahmud Šubhi, *op. cit*, hlm. 17

⁴⁷ *Ibid.*, h. 26

Oleh yang demikian, pada hakikatnya, sejarah kemunculan Ilmu Usuluddin boleh dibahagikan kepada tiga peringkat yang penting, iaitu ;

i) Peringkat Pertama

Iaitu sebelum zaman kemunculan mazhab Mu'tazilah. Pada peringkat ini, persoalan-persoalan yang timbul dalam perbahasan mengenai akidah adalah seperti adakah manusia bebas melakukan sesuatu atau dikawal oleh Allah, kedudukan orang yang melakukan dosa besar dan sebagainya. Maka ramai yang ingin mendapatkan jawapan terhadap persoalan-persoalan tersebut sehingga lahirlah apa yang dinamakan sebagai Ilmu Kalam atau Ilmu Usuluddin.

ii) Peringkat Kedua

Iaitu selepas kemunculan mazhab Mu'tazilah tetapi mereka masih berbicara tentang persoalan akidah dengan menggunakan kaedah kiasan akal yang berpandukan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Peringkat ini bermula daripada kelahiran aliran Mu'tazilah sehingga ke zaman penterjemahan ilmu-ilmu Yunani ke dalam Bahasa Arab. Mereka menggunakan kaedah Ilmu Kalam tradisional yang bersumberkan kaedah kiasan akal tetapi masih dikawal oleh al-Qur'an dan al-Hadith.

iii) Peringkat Ketiga

Iaitu perbicaraan golongan Mu'tazilah yang berpandukan kepada logik falsafah semata-mata. Jangka masa ini bermula apabila berlaku kegiatan penterjemahan ilmu-ilmu Yunani ke dalam Bahasa Arab. Mereka mula

mempelajari fikiran ahli-ahli falsafah Yunani seperti Aristotle dan lain-lain. Dan, di dalam pemikiran falsafah yang diambil Yunani tersebut ada yang bercanggah dengan Islam itu sendiri seperti alam ini adalah berlaku secara semulajadi.⁴⁸ Justeru, pemikiran sebegini membahayakan akidah umat Islam kerana menurut Islam alam ini adalah dijadikan oleh Allah SWT.

2.4 Nama-Nama Bagi Ilmu Usuluddin

Ilmu Usuluddin merupakan satu disiplin ilmu yang membincangkan tentang perkara-perkara *i'tiqādiyyah* (kepercayaan) yang diambil daripada agama atau ajaran Islam. Menurut al-Taftāzānī di dalam *Syarḥ al-Magāṣid*, ia adalah ilmu yang berkait rapat dengan kepercayaan yang diusahakan daripada dalil-dalil keyakinan.⁴⁹ Malah, ilmu ini juga turut dikenali dengan pelbagai nama. Di antaranya adalah ;

2.4.1 Ilmu *al-Fiqh al-Akbar*

Ita merupakan antara nama yang terdahulu yang diberikan kepada ilmu di dalam persoalan akidah dan ketuhanan. Istilah ini diperkenalkan oleh Imām Abu Hanīfah dan beliau menggunakan nama tersebut kerana perbincangannya adalah bersangkutan dengan perkara keyakinan dan kepercayaan yang merupakan tunjang agama Islam. Ita berbeza dengan dengan hukum-hukum amali yang

⁴⁸ 'Abd al-'Azīz Sayf al-Naṣr, (1983), *op. cit.*, h. 36 – 37

⁴⁹ Muḥammad Ramadān 'Abdullah (1986), *al-Bāqilānī Wa Arā'uhu al-Kalāmiyyah*. Bahgdad: al-Ummah, h. 20

dinamakan sebagai *al-Fiqh* semata-mata. Penggunaan istilah ini muncul pada kurun ke 2 Hijrah.⁵⁰

2.4.2 Ilmu *al-Kalām*

Ia merupakan nama yang sering digunakan di dalam perbincangan mengenai perkara-perkara akidah. Nama ini mula meluas penggunaannya sehingga salah zaman Ibn Khaldun dan selepasnya. Bahkan, istilah ini terus diwarisi sehingga ke hari ini.⁵¹

2.4.3 Ilmu *al-'Aqā'id*

Ia adalah istilah yang digunakan selepas zaman penggunaan istilah-istilah tadi, iaitu pada kurun keempat Hijrah. Apa yang dimaksudkan dengan istilah ini ialah segala kaedah dan perkara kepercayaan yang wajib bagi setiap mukallaf berpegang kepadanya iaitu percaya dan yakin dengan sepenuh keimanan kepada Allah SWT.⁵²

2.4.4 Ilmu *al-Tawḥīd Wa al-Sifāt*

Ia dinamakan dengan istilah ini kerana perbincangannya banyak tertumpu kepada permasalahan ketuhanan dan sifat-sifat Allah SWT.⁵³

⁵⁰ Hasan Maḥmūd al-Syāfi'i, *op. cit.*, hlm. 26

⁵¹ *Ibid.*

⁵² *Ibid.*, h. 30

⁵³ *Ibid.*, h. 31

2.4.5 Ilmu al-Tawhid⁵⁴

Ini kerana kandungan persoalannya adalah banyak yang berkaitan dengan *wahdāniyyat* (keesaan) Allah SWT. Misalnya, di dalam ilmu ini dibincangkan tentang sifat-sifat yang wajib, mustahil dan harus bagi Allah SWT.

2.4.6 Ilmu al-Nazar Wa al-Istidlaq

Al-Nazar bermaksud memikirkan kepada sesuatu perkara, iaitu menyusun maklumat di dalam fikiran dengan tujuan untuk sampai kepada perkara yang tidak diketahui. Hasilnya, seseorang akan mendapat dalil-dalil aqli untuk sampai kepada mengesakan Allah SWT.⁵⁵

Ringkasnya, Ilmu Usuluddin mempunyai pelbagai gelaran yang kesemuanya menjurus kepada mengesakan Allah SWT. Begitu juga, di dalam ilmu ini ditekankan beberapa persoalan dan perbahasan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan akidah atau kepercayaan yang menjadi asas kepada agama Islam itu sendiri. Keyakinan kepada semua perkara yang dibincangkan di dalam Ilmu Usuluddin adalah wajib sekiranya sesuatu perkara yang berkenaan terdapat di dalam al-Qur'an dan hadith yang *mutawâ'il*.⁵⁶

⁵⁴ Menurut Imam al-Haramayn al-Juwaini, *al-Tawhid*-bererti memisahkan sesuatu daripada sesuatu yang lain. Apa yang dimaksudkan di sini ialah mengesakan (*al-Tafrik*). Justeru, apabila seseorang mengesakan Allah SWT, ini bermakna mereka memisahkan segala sifat kekurangan yang terdapat pada mahluk daripada segala sifat kesempurnaan Allah SWT. Untuk keterangan lanjut lihat ; al-Juwaini (1969), *al-Syâmil Fi Uṣūl al-Dîn*. Iskandariah: al-Mâ'rif, h. 351

⁵⁵ Hasan Mahmûd al-Syâfi'i, *op. cit.*, h. 32

⁵⁶ Hadith *Mutawâ'il* ialah hadith yang diriwayatkan oleh bilangan perawi yang ramai yang mustahil pada adat akan berdusta secara tidak disengajakan. Bilangan yang ramai adalah dalam setiap peringkat sanad dari awal hingga akhirnya. Lihat; 'Udah Muhsin (1995), '*Ullam al-Hadith*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 157

2.5 Isi Kandungan Di Dalam Ilmu Usuluddin

Sebagaimana yang telah diperkatakan sebelum ini, Ilmu Usuluddin merupakan suatu ilmu yang membincangkan tentang keesaan Allah SWT serta perkara yang berkaitan dengan segala bentuk keyakinan yang perlu diyakini oleh umat Islam. Bagi menjelaskan lagi keadaan ini, al-Baghdadi menggariskan beberapa perkara yang dibincangkan di dalam Ilmu Usuluddin, iaitu di antaranya ialah ;

- i. Mengetahui Pencipta alam ini dan segala sifat-sifat-Nya.
- ii. Mengetahui nama-nama Pencipta alam ini dalam segala sifat-sifat-Nya.
- iii. Mengetahui para rasul dan nabi-nabi yang diutuskan.
- iv. Mengetahui mukjizat para nabi dan karamah para wali.
- v. Mengetahui segala pembalasan terhadap manusia ketika berada di akhirat.
- vi. Mengetahui segala asas-asas keimanan.⁵⁷

Dalam pada itu, Maḥmud Syaltūt berpendapat bahawa di dalam akidah Islam terdapat beberapa elemen yang menjadi unsur utama kepada agama Islam itu sendiri. Iaitu ;

- i. Kewujudan Allah SWT dan keesaan-Nya. Ini bermakna Allah SWT tidak menyamai makhluk dari segala aspek termasuklah perbuatan-Nya dan sifat-sifat-Nya.
- ii. Pengutusan para rasul yang membawa ajaran daripada Allah SWT. Iaitu yang disampaikan kepada mereka melalui para malaikat yang

⁵⁷ Abi Mansūr ‘Abd al-Qāhir bin Tāhir al-Tamīmī al-Baghdādī (1980), *Uṣul al-Dīn*, c. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 1-2

- diperintahkan oleh Allah SWT. Para rasul ini menyeru manusia agar beriman dan taat kepada Allah SWT.
- iii. Keimanan kepada para malaikat yang menjadi perantara di antara Allah SWT dan rasul-Nya.
 - iv. Beriman kepada kebangkitan manusia di akhirat serta adanya pembalasan kepada mereka.⁵⁸

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan di sini bahawa Ilmu Usuluddin ialah suatu ilmu yang membincarakan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kepercayaan dan keyakinan. Di antara persoalan asasi yang dibincangkan di dalam ilmu ini ialah tentang Ketuhanan, Kenabian dan Kerasulan, kepercayaan kepada para malaikat serta janji-janji Allah SWT di akhirat. Justeru, konsep Ilmu Usuluddin yang ingin dibawa di dalam penyelidikan ini menyentuh tentang perkara-perkara yang telah dinyatakan tadi.

⁵⁸ Mahmud Syaltut (1966), *al-Islām 'Aqīdah Wa Syari'ah*, c.3. T.T.P.: Dār al-Fikr, h. 18-19